

16 MAR 1999

Ling-Penerbangan

M'SIA AKAN TERUSKAN DASAR LIBERALISASI INDUSTRI PENGANGKUTAN UDARA

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Malaysia akan terus melaksanakan dasar liberalisasinya untuk meningkatkan kadar hubungannya, dengan secara lebih aktif mewujudkan perjanjian perkhidmatan udara dan perjanjian hak trafik yang lebih liberal dengan negara-negara lain.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata Malaysia juga akan terus memberikan penekanan kepada pembangunan kemudahan dan infrastruktur yang perlu bagi menyokong pertumbuhan industri pengangkutan udara.

"Paling utama, perhatian akan diberikan kepada faktor-faktor memastikan kejayaannya dan pelan jangka panjang untuk memenuhi keperluan industri pengangkutan udara," katanya pada perasmian persidangan Penerbangan Rantau Asia Pasifik selama dua hari yang bermula di sini hari ini.

"Saya yakin bahawa kekuatan yang terdapat pada ekonomi Malaysia akan memastikan kejayaan kita dan saya kekal optimistik mengenai masa depan industri pengangkutan udara di Malaysia," kata Ling.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh timbalannya Datuk Dr Ibrahim Saad.

Ling berkata walaupun semasa kegawatan ekonomi, industri penerbangan di Malaysia masih mampu mencapai kejayaan mengagumkan, dengan mengambil contoh pembinaan pintu masuk baru, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), berjaya disiapkan pada pertengahan tahun lepas.

"Sekali lagi pada 1 Dis 1998, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara rasmi melancarkan eksport pesawat Aerotiga pertama atau SME MD3-160 ke Amerika.

"Kejayaan itu dapat kita capai menerusi kerja kuat kita, dedikasi dan profesionalisme. Lebih penting lagi, ia adalah hasil daripada kerjasama dan perkongsian bijak antara sektor awam dan swasta dan ini perlu dipertingkatkan lagi pada tahun-tahun akan datang," katanya.

Ling berkata Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) mengunjurkan bahawa kadar pertumbuhan tahunan bilangan penumpang antarabangsa berjadual dijangka pada kadar 5.5 peratus antara 1998 dan 2002.

Sementara bagi Asia Tenggara, kadar pertumbuhan tahunan ialah 4.4 peratus manakala bagi Pasifik Selatan ialah 4.3 peratus.

"Angka pertumbuhan yang lebih rendah pula disebabkan oleh kesan krisis kewangan ke atas operasi," katanya.

--BERNAMA

APG RHM RON